

**PENGUMUMAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN MQA
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

1. Susulan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) oleh kerajaan mulai 3 Julai 2021 sehingga 16 Julai 2021 melibatkan beberapa mukim di Negeri Selangor dan lokaliti tertentu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dimaklumkan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) akan beroperasi selaras dengan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
2. Pengoperasian pejabat MQA dalam tempoh PKPD ini akan dilaksanakan mengikut arahan kerajaan bagi perkhidmatan awam. Orang ramai termasuk pihak-pihak berkepentingan dimohon mengambil maklum berkenaan penutupan perkhidmatan kaunter MQA dan pelaksanaan urusan MQA seperti berikut:

Bil.	Urusan:	Pelaksanaan Urusan:
a.	Perkhidmatan Kaunter Permohonan dan Serahan Dokumen	Melalui pos
b.	Hari Mesra Pelanggan (HMP)	Secara dalam talian
c.	Lawatan Penilaian Akreditasi	MQA Virtual Audit (MQAVA)
d.	Sijil Akreditasi / APEL	Salinan digital akan dihantar melalui e-mel dan pengeposan dibuat selepas PKPD tamat
e.	Latihan Jaminan Kualiti	Secara dalam talian
f.	Surat Nilai Taraf / Pengesahan Pengiktirafan	Salinan digital akan dihantar melalui e-mel dan pengeposan dibuat selepas PKPD tamat
g.	Pembayaran Perkhidmatan	JomPay atau Draf Bank (melalui pos)

3. Proses penilaian akreditasi akan dilaksanakan seperti biasa iaitu melalui kaedah dalam talian. Walau bagaimanapun, PPT yang ingin memohon penangguhan pelaksanaan MQAVA dalam tempoh PKPD ini, boleh berhubung dengan pegawai yang berkenaan.
4. Selain perkhidmatan MQA yang dinyatakan di atas, segala urusan akan dilaksanakan melalui kaedah pos dan e-mel.
5. Takwim permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh Bagi Tahun 2021 adalah kekal sepertimana yang telah ditetapkan dalam portal MQA.
6. Urusan perbincangan dan perundingan berkaitan perkhidmatan MQA akan dilaksanakan **secara dalam talian** berdasarkan **penetapan janji temu** melalui saluran berikut: <https://www.picktime.com/AgensiKelayakanMalaysiaMQA>. Tarikh dan masa janji temu akan disahkan melalui e-mel kepada para pelanggan.
7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut atau keperluan khidmat nasihat khusus, ianya boleh disalurkan ke sistem atau e-mel berikut:
 - Pertanyaan Umum : <https://www2.mqa.gov.my/sppa/>
 - Pendaftaran Program : unitpendaftaran@mqa.gov.my
 - Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) : apeladmin@mqa.gov.my
 - Nilai Taraf / Pengesahan Pengiktirafan : esisraf@mqa.gov.my
 - Sijil Akreditasi : unitsijil@mqa.gov.my
 - Latihan Jaminan Kualiti : upjk.mqatc@mqa.gov.my
8. Pelaksanaan perkhidmatan MQA ini adalah tertakluk kepada situasi semasa dan pengumuman pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.